

25 AUG 2001

Mahathir-Arafat

MAHATHIR BIMBANG TERHADAP PENDERITAAN RAKYAT PALESTIN

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan mengenai penderitaan berlarutan yang dialami oleh rakyat Palestin akibat tindakan ganas Israel.

"Kami bimbang kerana berjuta-juta rakyat Palestin terputus hubungan dengan dunia. Bekalan makanan mereka disekat oleh Israeli," kata beliau kepada pemberita selepas menemui Presiden Palestin Yasser Arafat hari ini.

Arafat, yang mengetuai delegasi Palestin mengandungi tujuh anggota singgah di Malaysia untuk memberi penjelasan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru di Asia Barat.

Arafat mengunjungi Dr Mahathir di kediaman rasmi Perdana Menteri "Seri Perdana" di sini.

Pada persidangan media bersama, Dr Mahathir berkata Malaysia bimbang mengenai nasib rakyat Palestin yang kekurangan bekalan perubatan dan makanan akibat pemeriksaan tentera yang sentiasa dilakukan oleh Israel.

"Setiap perkampungan Palestin adalah seperti penjara kerana Israel menempatkan kereta kebal dan anggota tentera dan memeriksa setiap yang bergerak. Ini menyebabkan mereka yang sakit dan ibu yang hamil tidak dapat ke hospital untuk menerima rawatan," kata beliau.

"Ini yang membimbangkan kami. Mereka tidak dapat bergerak...sebelumnya ia mengambil masa cuma beberapa jam untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain tetapi sekarang ia mengambil masa beberapa hari," kata beliau.

Mengenai kekurangan makanan, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak tahu sama ada kita dapat membantu daripada segi makanan tetapi memang menjadi dasar kita untuk memberi bantuan," kata beliau.

Arafat kini dalam lawatan ke negara-negara Asia bagi mendapatkan sokongan antarabangsa bagi perjuangan rakyat Palestin menentang pendudukan Israel dan menamatkan pertumpahan darah di rantau berkenaan.

Selepas singgah seketika, delegasi Palestin itu menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk berlepas ke destinasi berikut, Bangladesh.

-- BERNAMA

DC DC FAZ